

Syor guna semula nama Universiti Pertanian Malaysia

» *Kembalikan imej sektor pertanian, pendidikan, keusahawanan*

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@mediaprima.com.my

► Putrajaya

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mencadangkan nama asal Universiti Putra Malaysia (UPM) digunakan semula, bagi mengembalikan imej sektor pertanian yang berhubung kait dengan pendidikan dan keusahawanan.

Kredibiliti dilupakan

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata suatu ketika dulu, masyarakat menyanjung tinggi graduan Universiti Pertanian Malaysia sebagai golongan bijak pandai yang ada kaitan dengan pertanian, namun selepas nama institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu ditukar pada 1997, kredibilitinya

semakin dilupakan.

Beliau berkata, faktor itu juga dikenal pasti menjadi punca penuntut universiti tidak lagi berminat mengikuti pengajian dalam bidang pertanian kerana tiada IPTA khusus memartabatkan sektor itu secara langsung.

"Pertukaran nama universiti terbabit mungkin selepas mengambil kira banyak fakulti di IPTA itu menawarkan

pengajian di luar bidang pertanian, namun ia bukan alasan untuk menghalang kita kembali menggunakan nama lamanya.

"Kita akan mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya kembali menggunakan nama Universiti Pertanian Malaysia," katanya pada sidang media selepas merasmikan 'MAHA Youth 2013' sempena Festival Belia Putrajaya 2013, di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, kementerianannya akan turut menumpukan usaha me-

ngubah persepsi negatif beliau terhadap bidang pertanian yang mengangap sektor itu untuk mereka yang lebih berusia dan miskin serta tidak memerlukan pendidikan tinggi mahupun teknologi moden.

Ubah persepsi

"Kita dalam proses mengubah persepsi belia supaya mereka sedar pertanian kerjaya dunia moden"

Ismail Sabri Yaakob,
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

"Kita dalam proses mengubah persepsi belia supaya mereka sedar pertanian kerjaya dunia moden. Kita tak mahu tanggapan, mereka

terbabit dalam pertanian adalah orang miskin. Persepsi itu tak betul kerana di negara maju seperti Jepun, Belanda, Korea, mereka yang terbabit dalam pertanian adalah orang kaya dan berjaya," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, kementerianannya juga akan fokus kepada pembangunan modal insan dan melahirkan tenaga kerja mahir tempatan menerusi usaha menambah baik institusi latihannya serta meningkatkan pengambilan pelatih mengikut keperluan industri.



Ismail Sabri bersama timbalannya, Datuk Tajuddin Abdul Rahman **bersama belia selepas merasmikan Maha Youth 2013** sempena Festival Belia Putrajaya 2013.

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]